

12 OCT 1996

Mahathir-Kempen

BELUM ADA CADANGAN JADIKAN LARANGAN PERLEMBAGAAN PARTI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sehingga ini belum ada cadangan untuk menjadikan larangan berkempen, penyalahgunaan kuasa dan rasuah politik sebagai sebahagian daripada perlembagaan Umno.

Perdana Menteri dan Presiden Umno itu berkata sungguhpun beliau tidak berpuas hati kerana larangan itu masih tidak dipatuhi semua calon dan wakil mereka tetapi belum lagi sampai ke tahap untuk menjadikannya sebagai sebahagian daripada perlembagaan parti.

Beliau mengulangi bahawa beliau tidak tahu siapa yang tidak mematuhi arahan parti "tetapi Tuhan dan orang yang melakukannya sahaja yang tahu."

"Saya tidak tahu sama ada semua yang menang dalam pemilihan parti Rabu dan Khamis lepas itu semuanya bersih, dan saya juga tidak tahu yang kalah itu semua tidak bersih," katanya pada persidangan media selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata Jawatankuasa Khas masih mengkaji dan menimbang aduan mengenai penyelewengan yang dilakukan dan sekiranya ada bukti kukuh tindakan sewajarnya akan diambil.

Semasa ditanya sama ada terdapat bukti terhadap enam calon yang dibatalkan daripada bertanding merebut jawatan pada pemilihan ini, beliau berkata: "Ada bukti jelas dari satu sudut, tetapi kita tidak dapat menjalankan siasatan penuh disebabkan keadaan yang tidak mengizinkan."

"Oleh demikian saya terpaksa bergantung kepada laporan dan maklumat yang diterima. Kalau kita dengar semua pihak, tak seorangpun terlibat dalam rasuah, tetapi wang bertukar tangan juga," katanya.

Menyentuh masa depan mereka yang terlibat itu, Dr Mahathir berkata tindakan yang diambil tidak sama sekali menjejaskan peluang mereka untuk kembali bertanding pada masa akan datang.

"Saya fikir peluang mereka tak terjejas. Hari ini kita kalah, esok mungkin kita menang, terpulang kepada bagaimana kita bergerak," katanya.

Katanya, sehubungan dengan itulah beliau mencadangkan penubuhan Institut Umno ketika menggulung perbahasan petang ini bagi membolehkan kajian dan penyelidikan dibuat mengenai parti. -- BERNAMA

ZAB NMO